



NAMA :

TINGKATAN :

**SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM
JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN**

5226/1

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019
TASAWWUR ISLAM**

Kertas 1

Ogos

2019

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DI BERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **dua bahagian** : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** bahagian. **Bahagian A** mengandungi **20** soalan. Jawab setiap soalan dengan menghitamkan ruangan yang betul di halaman 9 dalam kertas soalan ini.
3. **Bahagian B** mengandungi **20** soalan. Jawab semua soalan. Jawapan anda hendaklah di tulis pada ruangan jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
4. Anda dinasihati supaya mengambil masa 30 minit untuk menjawab soalan **Bahagian A** dan 45 minit untuk **Bahagian B**.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 - 20	20	
B	21 - 40	20	
Jumlah		40	

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

Bahagian A*(20 markah)***Jawab semua soalan.**

1. Antara yang berikut yang manakah membuktikan al-Quran sebagai petunjuk sepanjang zaman ?
 - I. Kebenarannya tidak boleh diragui.
 - II. Kandungannya merangkumi seluruh peraturan hidup.
 - III. Kitab yang diturunkan kepada semua nabi dan rasul.
 - IV. Keindahan gaya bahasanya tidak mampu ditandingi.

A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV

2. Ajaran Islam mudah diterima manusia kerana ajarannya
 - A. Sesuai dengan fitrah manusia.
 - B. Dianuti oleh pelbagai bangsa.
 - C. Berkembang ke seluruh dunia.
 - D. Diakui oleh penganut agama lain.

3. Antara berikut yang manakah peraturan dalam pemilikan harta?
 - A. Harta mesti disimpan keseluruhannya.
 - B. Harta boleh dibelanjakan mengikut keinginan.
 - C. Harta yang dimiliki mesti ditunaikan kewajipannya.
 - D. Harta boleh diperolehi dari pelbagai sumber.

4.

Hakim memutuskan hukuman supaya suami menceraikan isterinya setelah suami tidak melaksanakan tanggungjawabnya.
--

Pernyataan di atas merujuk kepada

 - A. Ijtihad
 - B. Fatwa
 - C. Fikah
 - D. Qadha

5. Berikut adalah antara kepentingan muamalah Islam, **kecuali**
 - A. Manusia dapat berkerjasama dan tolong menolong.
 - B. Manusia dapat berhubung dengan cara yang betul.
 - C. Manusia dapat saling mengenali antara satu sama lain.
 - D. Manusia dapat membangunkan ekonomi dengan cepat .

6. Antara yang berikut yang manakah cara membenters amalan rasuah dikalangan penjawat awam?
- Menanam sikap takutkan Allah SWT.
 - Memberi kesedaran keburukan rasuah.
 - Kempen perangi rasuah oleh pihak berwajib.
 - Mewajibkan mereka berkerja bersungguh-sungguh.
- A. I, II dan III
B. I, II dan IV
C. I, III dan IV
D. II, III dan IV
7. Pilih pernyataan yang menjelaskan perkaitan antara thabat dan murunah.
- Mengeluarkan zakat fitrah.
 - Menutup aurat dengan berfesyen.
 - Menunaikan ibadat haji berulang kali.
 - Menunaikan solat secara qasar kerana terlupa.
8. Mengucap dua kalimah syahadah merupakan paksi utama kepada tauhid
- Uluhiyyah.
 - Rububiyyah.
 - Rabbaniyyah.
 - Alamiyyah.
9. Berikut adalah antara aktiviti untuk memelihara alam
- Menanam semula pokok yang ditebang.
 - Merancang kawasan pembangunan.
 - Menimbus lombong yang terbiar.
 - Membersih sungai dari kekotoran.
10.

<ul style="list-style-type: none">Bekerjasama membenters kemungkaran.Menumpukan taat setia kepada negara.Berkerjasama mempertahankan negara.
--
- Pernyataan di atas menerangkan tanggungjawab
- Hakim.
 - Tentera.
 - Rakyat.
 - Khalifah.
11. Berikut adalah perkara yang merosakkan ibadat **kecuali**
- Munafik.
 - Sum'ah.
 - Takbur.
 - Ihsan.

12. Tidak boleh dijadikan hujah bagi soal-soal yang berhubungan dengan akidah, perundangan, halal dan haram.


Pernyataan di atas menerangkan tentang

- A. Hadis Sahih.
 - B. Hadis Dhaif.
 - C. Anti hadis.
 - D. Dhabit.
13. Antara yang berikut yang manakah sebab manusia diberikan kebebasan untuk memiliki harta ?
- I. Menyedarkan manusia bahawa dalam harta mereka ada hak orang lain.
 - II. Galakan untuk berkerja dengan bersungguh-sungguh.
 - III. Ketenangan dan keselesaan hidup.
 - IV. Fitrah semula jadi manusia.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV

14. Menghalang seseorang daripada mendapat pahala.

Pernyataan di atas merujuk kepada implikasi melakukan hukum _____

- A. Wajib.
- B. Sunat.
- C. Makruh.
- D. Harus.



X ialah ...

- A. Al- Qadha.
- B. Al- Ihsan.
- C. Al- Ijmak.
- D. Al- Hasan.

16. Antara yang berikut yang manakah prinsip Negara Islam
- I. Musyawarah.
 - II. Persamaan.
 - III. Kebebasan.
 - IV. Ketaatan.
- A. I, II dan III
 - B. I, II dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. II, III dan IV
17. Pilih perkara yang penting dalam pembentukan ukhuwah Islamiah.
- A. Bangsa dan agama
 - B. Keimanan dan ketakwaan.
 - C. Warna kulit dan keturunan.
 - D. Sempadan negeri dan negara.
18. Antara yang berikut yang manakah tujuan Allah SWT mengurniakan sifat maksum kepada nabi dan rasul?
- A. Menjadi teladan kepada umatnya.
 - B. Menakutkan musuh-musuh mereka.
 - C. Membuktikan kebenaran ajaran mereka.
 - D. Menjaga martabat dan kemuliaan mereka.
19. Antara yang berikut yang manakah tanggungjawab manusia terhadap makhluk lain?
- A. Membersihkan sungai yang tercemar.
 - B. Memberi subsidi baja kepada para petani.
 - C. Menyediakan kemudahan untuk anak-anak belajar.
 - D. Membesarkan jalanraya untuk mengelak kesesakan.
20. Antara yang berikut yang manakah kepentingan perkahwinan kepada individu
- A. Melahirkan persaudaraan yang kukuh.
 - B. Mengelak daripada berlaku kekacauan.
 - C. Memberi ketenangan dalam hidup.
 - D. Memupuk hubungan silaturahim.

Bahagian B
(20 markah)
Jawab semua soalan.

Soalan 21 hingga soalan 24

Tulis istilah yang betul pada ruangan kosong yang disediakan.

21. Kesalahan dan hukuman yang tidak ditetapkan syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim untuk memutuskannya.
22. Kontrak jual beli untuk membeli sesuatu barangan dengan bayaran secara tertangguh termasuk keuntungannya.
23. Makhluk istimewa kerana boleh berfikir, boleh menerima ilmu pengetahuan dan berkehendak.
24. Segala hukum, prinsip, nilai dan peraturan yang terkandung dalam Islam adalah bersumberkan wahyu Allah SWT dan Hadis.

Soalan 25 hingga 28.


Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

25. Berkerja juga merupakan _____ kepada Allah SWT jika dilakukan dengan ikhlas dan memenuhi syarat-syaratnya.
26. Memelihara _____ bermaksud memelihara kesucian akidah daripada perbuatan syirik, riddah, khurafat dan menjauhi segala larangan Allah SWT.
27. Bagi menyelesaikan masalah penindasan dalam perniagaan, Islam telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan _____ .
28. Ilmu _____ ialah ilmu yang berkaitan dengan amalan yang wajib diketahui dan diamalkan oleh umat Islam.

Soalan 29 dan soalan 30 berdasarkan rajah 1 di bawah.

Tuliskan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

RAJAH 1 merupakan unsur-unsur pencemar kesucian Islam.



RAJAH 1

29. A ialah _____

30. B ialah _____

Soalan 31 hingga soalan 32 berdasarkan Jadual 1 di bawah.

Tulis jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

JADUAL 1 menerangkan tentang ujian terhadap pemilik harta.


UJIAN TERHADAP	CONTOH UJIAN
NEGARA	Berlaku kemelesetan ekonomi Tersebar wabak penyakit
31	Harta musnah dalam kebakaran Hidup tidak tenteram
32	Berlaku banjir lumpur Tercetus peperangan

JADUAL 1

Soalan 33 hingga soalan 36

Tulis jawapan yang betul dalam ruangan yang disediakan.

CARTA 1 adalah berkaitan elemen dalam pembentukan negara Islam.



CARTA 1

- 33. _____
- 34. _____
- 35. _____
- 36. _____

Soalan 37 hingga 40.

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul.

Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.

- 37. Agama Islam menekankan hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia sahaja.
- 38. Kebebasan merupakan prinsip asas dalam pemerintahan Islam.
- 39. Menjual anak lembu yang masih dalam kandungan ibunya merupakan muamalah yang tidak sah menurut Islam.
- 40. Kelebihan berkerja makan gaji ialah bebas membuat keputusan.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN

Bahagian A

- 1 (A) (B) (C) (D)
- 2 (A) (B) (C) (D)
- 3 (A) (B) (C) (D)
- 4 (A) (B) (C) (D)
- 5 (A) (B) (C) (D)
- 6 (A) (B) (C) (D)
- 7 (A) (B) (C) (D)
- 8 (A) (B) (C) (D)
- 9 (A) (B) (C) (D)
- 10 (A) (B) (C) (D)

- 11 (A) (B) (C) (D)
- 12 (A) (B) (C) (D)
- 13 (A) (B) (C) (D)
- 14 (A) (B) (C) (D)
- 15 (A) (B) (C) (D)
- 16 (A) (B) (C) (D)
- 17 (A) (B) (C) (D)
- 18 (A) (B) (C) (D)
- 19 (A) (B) (C) (D)
- 20 (A) (B) (C) (D)

BAHAGIAN A